

# Pertandingan Pidato Piala Naib Canselor UniMAP 2010

**Berjaya Melahirkan Pemidato Baru** Oleh: Sayang Nurshahrizleen Ramlan

23 & 24 Januari 2010 bertempat di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman UniMAP, Kg. Wai, Kuala Perlis, Perlis, Pertandingan Pidato Piala Naib Canselor UniMAP 2010 yang julung-julung kali diadakan di Universiti Malaysia Perlis ini bertujuan untuk mencari bakat pemidato baru yang berpotensi mengharumkan nama universiti kelak disamping melahirkan generasi mahasiswa yang lebih berkarisma dan berketrampilan dalam mengeluarkan hujah yang bernas dan wajar. Pertandingan akhir pidato yang telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Szali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (A&P) UniMAP ini diadakan di antara pusat-pusat pengajian yang terbahagi kepada 2 kategori iaitu Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI). Pada pertandingan pertama kali ini, seramai 19 orang peserta BM dan 7 orang peserta BI telah mengambil bahagian. Daripada 26 orang peserta, hanya 5 peserta kategori BM dan 5 peserta kategori BI sahaja yang layak ke pusingan akhir berdasarkan pemilihan markah 5 peserta terbaik di pusingan awal kedua-kedua kategori. Para peserta diberi 7 minit untuk sesi

pidato berdasarkan tajuk pilihan dan 5 minit untuk sesi pidato spontan.

Barisan pemenang Pertandingan Pidato Akhir Piala Naib Canselor UniMAP 2010 terdiri daripada :

Pemenang tempat pertama memenangi hadiah Piala Pusingan, Plag, Sijil dan Wang Tunai berjumlah RM100.00 manakala tempat kedua memenangi hadiah Plag, Sijil dan Wang Tunai berjumlah RM70.00 dan tempat ketiga pula memenangi hadiah Plag, Sijil dan Wang Tunai berjumlah RM50.00. Peserta-peserta yang layak ke pusingan akhir pula mendapat hadiah saguhati berbentuk plag dan sijil manakala peserta-peserta lain yang mengambil bahagian di pusingan awal turut menerima hadiah cenderahati korporat UniMAP dan sijil penyertaan.

Tahniah diucapkan kepada para pemenang. Semoga pertandingan seumpama ini mendapat penyertaan yang lebih menggalakan di masa depan dan bakal memberi sejuta kemanfaatan kepada semua.

## KATEGORI BM

### **JOHAN**

Mas Idayu Saidin (PPK Sistem Elektrik)  
Tajuk : *Kebejatan Moral Barah Dalam Negara*

### **NAIB JOHAN**

Nur Izzati Mohamad Sobri (PPK Alam Sekitar)  
Tajuk : *Budaya Bangsa Malaysia Mekanisma Perpaduan*

### **KETIGA**

Muhammad Nur Aiman Uda (PPK Bioproses)  
Tajuk : *Mahasiswa Pemangkin Pembangunan Negara*

## KATEGORI BI

### **JOHAN**

Christian Entaban Morris Unong  
(PPK Komputer & Perhubungan)  
Tajuk Pidato Pilihan : *University - A Platform For Unity*  
Tajuk Pidato Impromptu: *There should be more songs about ...Teddy Bears.*

### **NAIB JOHAN**

Su Natasha Mohamad (PPK Mekatronik)  
Tajuk Pidato Pilihan : *English As The World Language*  
Tajuk Pidato Impromptu: *Independence Day Celebration wouldn't be the same without... Pillows.*

### **KETIGA**

Abdullah Redhuan Ismail (PPK Komputer & Perhubungan)  
Tajuk Pidato Pilihan : *English As The World Language*  
Tajuk Pidato Impromptu: *Schools should have subjects about ...Ping Pong Balls.*

